# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# RABU 6 NOVEMBER 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10.<br>11.<br>12.<br>13. | SAGU HATI NELAYAN AKAN DISELESAIKAN SEGERA, PRK PARLIMEN TANJUNG PIAI, SH -8<br>HAPUS MONOPOLI, AP ADIL KUNCI EKONOMI SEJAHTERA, UTAMA, SUARA KEADILAN -14<br>PETANI PADI TERIMA RM1.54 BILION SUBSIDI, UMUM, SUARA KEADILAN -26<br>1,000 DISASAR TERIMA MANFAAT REZEKI TANI, NEWS, SELANGOR KINI -8<br>SALAHUDDIN AYUB PERLU ELAK KELAUR KENYATAAN PERKAUMAN - TOK MAT, NEWS, ASTRO AWANI -7<br>DAKWAAN NELAYAN DIJANJIKAN WANG IHSAN RM1,000 DISIASAT: SALAHUDDIN, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10<br>THE MORE THE OPPOSITION CRITISE, THE HARDER WE WORK - SALAHUDDIN AYUB, NEWS, MALAYSIAN NANBAN -2<br>SALAHUDDIN: FISHBOAT WITH C GRADE PERMIT BUT RECEIVING A GRADE BENEFITS, NATION, SIN CHEW DAILY -6<br>SALAHUDDIN AND WEE VISIT PEOPLE IN MORNING MARKET, NATION, SIN CHEW DAILY -6<br>60 LODGE POLICE REPORT OVER AGRICULTURE MINISTER'S STATEMENT, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A7<br>AGRICULTURE MINISTER: MEETING WITH PTA NOT TEACHERS, NATION, CHINA PRESS -A9<br>HAVE APPLIED BEFORE, AGRICULTURE MINISTER DONATES RM5,000 FUND TO PRIMARY SCGOOL, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A7<br>AGRICULTURE MINISTER, WEE JECK SENG SHAKE HAND AND HUGGED, NEWS, GUANG MING DAILY -A7 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 14. | PENZALIM KE-2 DIHUKUM, LOKAL, HM -6 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 15.<br>16.<br>17.<br>18.<br>19.<br>20.<br>21. | TINGKAT PERTANIAN SARA DIRI, UTAMA, SUARA KEADILAN -14<br>BONGAWAN BAKAL JADI HUB PERTANIAN UTAMA SABAH, BISNES, SH -39<br>PERLAWANAN KELAS, NASIB PETANI, DAN JAWAPAN MENTERI, BUDAYA, SUARA KEADILAN -15<br>TENGKU PERMAISURI NORASHIKIN RASMI PROGRAM JUALAN PRODUK PERTANIAN, NEWS, SELANGOR KINI -5<br>RANGKA TINDAKAN PERTANIAN SABAH 2021-2030 MAMPU KEMBANGKAN EKONOMI NEGERI, NEWS, UTUSAN BORNOE ONLINE -10<br>500 SERTAI SABAH AGRO RUN 2019, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLIE -10<br>MASZLEE: DEVELOP AGRICULTURAL VOCATIONAL EDUCATION, NATION, SIN CHEW DAILY -8 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/11/2019 | SUARA KEADILAN | UTAMA | 14 |

# Hapus monopoli, AP adil kunci ekonomi sejahtera




Oleh **AZIZI SUNIP**

**MONOPOLI** jadi kesempatan terbaik pengeluar mengambil kesempatan ke atas pengguna.

Menurut pakar ekonomi, Dr Barjoyai Bardai, kebergantungan kepada beberapa syarikat gergasi yang memiliki permit import eksklusif membuatkan pengguna dan pengusaha kecil terdedah kepada kenaikan harga dan bekalan yang tidak menentu.



Persoalannya, bersediakah kita menghapuskan monopoli dan menghadapi cabarannya?

Pakar ekonomi itu menjelaskan, secara teorinya amalan monopoli tidak baik untuk ekonomi. Persaingan yang sihat, katanya, boleh diwujudkan dengan mengeluarkan lebih banyak permit import (AP) secara adil.

"Pecahkan monopoli? Kita perlu sistematik. Pertama, perlu lakukan dengan cekap bagi memperoleh kos pengimportan dan harga makanan yang lebih rendah sebagai penyelesaian jangka pendek."

"Bagi jangka panjang, keupayaan negara mengeluarkan sendiri makanan (perlu dipertingkatkan)," ujarnya kepada Suara Keadilan.

## Gula dari nira nipah

Katanya, membuka pasaran baru gula daripada nira pokok nipah adalah satu contoh pasaran yang belum diterokai secara meluas bagi menampung permintaan tinggi terhadap gula komersil.

"Kira-kira 350 ribu hektar pokok nipah hidup subur di kawasan paya negara ini yang mempunyai jangka hayat kira-kira 60 tahun,"

"Sudah sekian lama sumber ini dipandang sepi, hanya daunnya dijadikan atap secara tradisional. Cuma kita perlu kaji cara pemprosesan hasilkan gula daripada nira pokok nipah, operasi dan pemasaran moden terhadapnya," katanya.

Menurut satu kajian dari Jepun, sebatang pokok nipah boleh menghasilkan 2.5 liter nira sehari. Jika satu ekar tanah mempunyai seribu pokok, sebanyak 2,500 liter nira sehari boleh dihasilkan.

Contoh lain adalah penghasilan tepung sagu dari pokok rumbia di Sarawak dan pembukaan jelapang padi baru di Borneo.

Dr Barjoyai melihat, selain membuka peluang syarikat kecil tempatan memegang AP bahan makanan bagi memenuhi permintaan rakyat, membuka pasaran baru juga mampu menjana pendapatan masyarakat setempat.

Dalam pada itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Salahuddin Ayub (**gambar**) mengakui, kebergantungan negara terhadap sumber makanan yang diimport setiap tahun menjadi topik hangat diperdebatkan.

"Banyak isu perlu diteliti, namun kementerian tidak culas. Beberapa strategi (dirangka) bagi meningkatkan pendapatan petani, nelayan dan pesawah, lebih-lebih lagi soal monopoli dan AP," katanya ketika dihubungi.

## Siapa selain Bernas?

Salahuddin menambah, hal itu seiring dengan dasar keterbukaan kerajaan Pakatan Harapan (HARAPAN) yang mahu persaingan sihat dalam industri sumber makanan.

Bagi memastikan sumber domestik dapat memenuhi kuota keperluan tempatan, peruntukan input padi pada 2020 ditambah menjadi RM855 juta berbanding RM796 juta pada tahun sebelumnya.

Begitu juga pelbagai subsidi dan insentif kepada petani dan nelayan dikembalikan semula tahun depan, jelasnya.

Pertambahan peruntukan sebanyak RM4.9 bilion yang disalurkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam Belanjawan 2020 adalah bagi memastikan bekalan makanan mencukupi sama ada dari sumber domestik mahupun dari luar.

Namun, ketika ditanya pihak mana yang akan menerima permit import beras selain Bernas, beliau enggan menyatakan bilangan syarikat yang telah memohon kepada kementerian setakat ini kerana permohonan masih dibuka sehingga akhir tahun 2019.

"Apa yang boleh saya kongsikan, semua permohonan perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan dan saya yakin boleh diselesaikan dalam tempoh enam bulan, memandangkan konsesi Bernas masih berbaki setahun sebelum tamat pada tahun 2021," ujarnya.

Sebelum ini, Presiden KEADILAN, Saudara Anwar Ibrahim ketika membahaskan RUU Kewangan 2019, Belanjawan 2020 di Dewan Rakyat menyebut peningkatan harga makanan disebabkan pengeluarannya yang terbatas akibat keterhadan pengeluaran AP dan kewujudan monopoli syarikat gergasi di negara ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/11/2019 | SINAR HARIAN | PRK PARLIMEN TANJUNG PIAI | 8 |

# Sagu hati nelayan akan diselesaikan segera



**Salahuddin bertemu penduduk di sebuah warung selepas mengadakan walkabout di Pasar Pagi Serkat, Pontian semalam.**

**PONTIAN** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan bekerjasama dengan kerajaan Johor bagi memastikan isu wang sagu hati yang diperkatakan nelayan di Tanjung Piai mendapat perhatian sewajarnya.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, beliau akan berbincang dengan Menteri Besar, Datuk Dr Saharuddin Jamal berhubung kaedah terbaik menyelesaikan isu wang sagu hati tersebut.

"Itu yang dijanjikan kerajaan dulu (Barisan Nasional) di bawah Tabung Yayasan Nelayan Johor.

"Kita kena semak sama ada tabung itu wujud lagi atau tidak lagi kerana itu di bawah kerajaan negeri dulu. Jadi, kita kena tengoklah duit itu ke mana, ada lagi atau tidak duit itu," katanya di sini semalam.

Terdahulu, beliau mengadakan *walkabout* di Pasar Pagi Serkat di sini semalam.

Kelmarin, lebih 800 nelayan Parlimen Tanjung Piai mendakwa kecewa dengan penangguhan bantuan sagu hati RM1,000 dijanjikan kerajaan Johor sejak 2016.

Wang sagu hati nelayan merupakan pemberian kerajaan Johor di bawah BN ketika Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin memegang jawatan Menteri Besar dengan jumlah sebanyak RM2,000 hingga RM3,000.

Pemberian wang sagu hati kepada nelayan, penternak kupang dan ikan sangkar di Johor Selatan yang terjejas akibat penambakan laut dan hakisan merangkumi Parlimen Johor Baharu, Tebrau, Pulai, Gelang Patah dan Tanjung Piai.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/11/2019 | SUARA KEADILAN | UMUM | 26 |

# Petani padi terima RM1.54 bilion subsidi

**KERAJAAN** meluluskan RM1.54 bilion untuk keseluruhan subsidi dan insentif bagi sektor padi dan beras yang bertujuan untuk meringankan bebanan golongan petani, pekebun dan pesawah bagi 2019.

Timbalan Menteri Pertanian, Sim Tze Zin **(gambar)** berkata insentif diberikan kerajaan termasuk pembekalan baja sebanyak RM382.5 juta di bawah Skim Baja Padi Persekutuan.

Katanya, kerajaan juga memperuntukkan RM413.8 juta bagi pembekalan komponen seperti racun makhluk perosak di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi.

"Kerajaan juga telah memperuntukkan RM626.5 juta bagi Skim Subsidi Harga Padi iaitu peningkatan daripada RM300 bagi setiap metrik tan jualan padi kepada RM360 mula berkuatkuasa pada Musim 1/2019," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, 25 Oktober lalu.

Beliau menjawab soalan Sabri Azit (Jerai-PAS) yang meminta kementerian menyatakan langkah untuk meringankan bebanan petani, pekebun, dan pesawah khususnya di Kedah.



Di Kedah sahaja kata Sim, peruntukan sebanyak RM150 juta diberikan menerusi Bajet Rancangan Malaysia Ke-11 untuk meningkatkan automasi dalam aktiviti penanaman dan penuaian padi.

Kerajaan juga katanya, meneruskan harga belian padi pada kadar RM1,200 per tan metrik bagi menggalakkan penghasilan padi yang tinggi sekaligus meningkatkan pendapatan pesawah.

"Menyediakan insentif benih padi sah sebanyak RM75 juta setiap tahun bagi memastikan benih padi berkualiti dibekalkan kepada pesawah pada harga mampu milik untuk meningkatkan produktiviti.

"Melaksanakan program pemulihan tanah bagi tujuan menentukan tahap kesuburan tanah dan kesesuaian bantuan baja dalam usaha meningkatkan kecekapan bantuan input," ujarnya.

Tambah beliau, kerajaan turut menggalakkan pesawah melaksanakan penanaman bercampur dengan tanaman lain bagi mempelbagaikan pendapatan pesawah.

"Kerajaan juga memperuntukkan RM413.8 juta bagi pembekalan komponen seperti racun makhluk perosak di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi,"

**SIM TZE TZIN**
Timbalan Menteri Pertanian



| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 1,000 disasar terima manfaat Rezeki Tani | | |
| MediaTitle | SelangorKini | | |
| Date | 06 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 250,000 |
| Page No | 8 | Readership | 750,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 213 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,097 |
| Frequency | Weekly | PR Value | RM 6,292 |



# 1,000 disasar terima manfaat Rezeki Tani

**PONTIAN** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menyasarkan 1,000 peserta bagi tempoh dua tahun menerusi Program Rezeki Tani bagi golongan petani dan nelayan di seluruh negara.



**Salahuddin Ayub**

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, menerusi program berkenaan golongan sasar akan dibantu menerusi bantuan dalam bentuk barangan bernilai RM10,000.

"Jadi bagi dua tahun ini, kita menyasarkan 1,000 peserta di mana istimewanya, kita sendiri mencari golongan yang perlu kita bantu bukannya orang datang pada kita mengaku mereka miskin tetapi kita yang mencari golongan sasar yang telah membuktikan dengan segala kesusahan, mereka telah mulakan projek kecil dan kita akan bantu dalam bentuk barangan bernilai RM10,000.

"Sekiranya saya nampak program ini berkesan, saya tidak akan melengahkan untuk meminta ditambah peruntukan untuk bantu golongan ini pada masa akan datang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Perikanan: Road To HPPNK 2019 di Pusat Perdagangan Pontian di sini pada 27 Oktober lalu.

Turut hadir, Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi.

Dalam majlis sama, Salahuddin berkata, MOA sedang merangka pelan tindakan atau "Blue Print" bagi membantu golongan nelayan pantai dan pesawah untuk keluar dari golongan B40.

Katanya, pelan tindakan berkenaan dijangka dapat dikemukakan awal tahun depan.

"Kita juga telah merangka beberapa polisi baru, mengemaskini peraturan yang perlu diperkemaskan dan mana yang baik, kita berdayakan supaya kita dapat menampilkan satu pendekatan baru yang segar.

"Ada dua blueprint untuk pesawah dan nelayan sedang dibincangkan. Insya Allah, kita sedang merangka polisi baru ini dan kita akan kemukakan dalam tempoh waktu yang kita rasakan boleh mulakan awal tahun hadapan," katanya lagi. – BERNAMA

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Salahuddin Ayub perlu elak keluar kenyataan perkauman - Tok Mat | | |
| MediaTitle | Astro Awani (www.astroawani.com) | | |
| Date | 06 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 4 |
| Order Rank | 7 | Readership | 4 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,200 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,600 |

# Salahuddin Ayub perlu elak keluar kenyataan perkauman - Tok Mat

PONTIAN : Jika benar 'menteri' itu menakut-nakutkan pengundi sewaktu berkempen di Pilihan Raya Kecil Tanjung Piai, itu adalah satu perbuatan yang sama sekali tidak beretika, kata Timbalan Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri Mohamad Hasan.
Beliau berka...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Dakwaan nelayan dijanjikan wang ihsan RM1,000 disiasat: Salahuddin | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 06 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# Dakwaan nelayan dijanjikan wang ihsan RM1,000 disiasat: Salahuddin

RAMAH MESRA: Salahuddin (dua kanan) beramah mesra dengan calon Barisan Nasional bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai Datuk Seri Dr Wee Jeck Seng (tiga kanan) ketika turun padang untuk berkempen bagi PRK Parlimen Tanjung Piai di Pasar Pagi P...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | The more the opposition criticise, the harder we work - Salahuddin Ayub | | |
| MediaTitle | Malaysian Nanban | | |
| Date | 06 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 65,000 |
| Page No | 2 | Readership | 415,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 202 cm² |
| Journalist | NULL | AdValue | RM 1,175 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,526 |



# எதிர்க்கட்சிகள் கேள்வி எழுப்பினால் இன்னும் வேகமாக வேலை செய்வோம்!

பொந்தியான், நவ.6-

எதிர்க்கட்சிகள் எங்களைப் பற்றி வேகமாகக் கேள்வி எழுப்பினால் நாங்கள் இன்னும் வேகமாக வேலை செய்வோம் என்று அமானா நெகாரா கட்சியின் துணைத் தலைவர் டத்தோஸ்ரீ சலாஹூடின் அயோப் கூறினார்.

அம்னோ - பாஸ் கூட்டு அரசாங்கத்தில் நேர்மையான அரசாங்கம் அமைப்பதோடு மலாய்க்காரர்களின் பேச்சாளராக நாங்கள் இருப்போம் என எதிர்க்கட்சிகள் கூறி வருவது குறித்து கருத்துரைக்கையில் அவர் இவ்வாறு சொன்னார்.

எதிர்க்கட்சிகள் வாக்குறுதி மட்டுமே கொடுக்க முடியும். மாறாக, அதனை அமல்படுத்த முடியாது. காரணம் அவர்கள் இப்போதுள்ள நம்பிக்கைக் கூட்டணி அரசாங்கத்தில் இடம் பெறவில்லை என்றார்.

அவர்கள் எதையும் பேசலாம்.



ஆனால், அவர்களால் மக்களுக்கு ஒன்றும் செய்ய முடியாது. அவர்கள் என்னதான் பேசினாலும் எதிர்க்கட்சியினரே. மாறாக, நடப்பு அரசாங்கம் அல்ல என்றார்.

மக்கள் எங்களுக்கு வாக்களித்ததில் நாங்கள் அரசாங்கத்தை அமைத்துள்ளோம். எனவே, மக்களின் குறைகளைக் கேட்கும் எங்களால் மட்டுமே மக்களுக்கு நல்லதைச் செய்ய முடியும் எனவும் அவர் சொன்னார்.

எதிர்க்கட்சிகள் அதிகமாக கேள்வி கேட்டால் நாங்கள் இன்னும் அதிகமாக வேலை செய்வோம் எனவும் அவர் தெரிவித்தார். நேற்று செர்காட் காலை சந்தையில் மக்களுடனான நிகழ்ச்சி ஒன்றில் கலந்து கொண்ட பின்னர் பூலாய் நாடாளுமன்ற உறுப்பினருமான அவர் செய்தியாளர்களிடம் இவ்வாறு தெரிவித்தார்.

கடந்த இரண்டு நாட்களுக்கு முன்பு நிகழ்ச்சி ஒன்றில் பேசிய அம்னோ உதவித் தலைவர் டத்தோஸ்ரீ முகமட் காலிட் நோர்டின், தஞ்சோங் பியாய் நாடாளுமன்ற இடைத் தேர்தலில் தேசிய முன்னணியின் வெற்றி அவசியமாகும்.

காரணம் அதன் பின்னர் அம்னோ - பாஸ் கூட்டணியில் உருவாகும் புதிய அரசாங்கத்திற்கு தாங்களே இந்நாட்டிலுள்ள மலாய்க்காரர்களின் பேச்சாளராக இருந்து வருவோம் எனவும் கூறியிருந்தார்.

Powered by: isentia

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Headline | Salahuddin : Fishboat with C grade permit but receiving A grade benefits | | |  |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | | |
| Date | 06 Nov 2019 | Color | Full Color | |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 | |
| Page No | 6 | Readership | 866,760 | |
| Language | Chinese | ArticleSize | 380 cm² | |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 11,515 | |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 34,545 | |



沙拉胡丁（坐者左二）表示，农业部将会持续打击滥用渔船执照者。

# C級漁船拿A級執照福利

## 農長：將吊牌打擊濫用

（笨珍5日讯）农业部长拿督沙拉胡丁表示，若有C级渔船拿着A级渔船执照和福利，当局将会没收这些人士的执照，以打击滥用执照的人士。

沙拉胡丁今日回到出生地实吻角，到早市与当地民众互动时，召开新闻发布会时透露上述讯息。

他说，渔船执照有严格的申请标准，虽然当局有意简化申请，但不代表渔民可以滥用这些执照，因为当局发出援助金予渔民，不同的执照所获得的援助金和允许出海的次数都不同。

### 真正渔民可获援金

“我们会追踪他们的渔获和出海次数等，一些渔民只是兼职出海，当局发出特别出海执照避免他们被海事执法局取缔，但他们无法获得援助金。”

沙拉胡丁表示，真正的渔民有固定的出海次数，可以获得生活援助金和柴油补贴。

他说，虽然一些渔民因为长久未出海被吊销执照，当局也不是“残暴”执政，他们可以解释为何这段时间无法出海，例如某位渔民因为家人患病需要照顾家人，在某段时间无法出海，当局会根据情况和个案做出评估。

### 揭140非法入境渔船

他透露，该部从4月份开始的执法活动中，发现140艘非法入境的外国渔船。

询及前朝政府落实的渔民宏愿基金（Tabung Yayasan Nelayan）是否继续落实，沙拉胡丁表示，这是前朝州政府设立的，但该部门将会研究这个基金的现况，包括基金的款项。

“对农业部来说，最重要的是申请者需要提供完整的资讯，当局会根据申请者的真实情况发出款项，让真正有需要的人士获得援助。”

## 落實各項漁民撥款

### 與各州政府單位合作

沙拉胡丁也承诺，该部门将会与州政府及各个单位合作，并且与柔佛州务大臣联系，落实早前为渔民宣布的各项拨款。

他认为，希盟政府会兑现承诺，并且将援助尽快发给有需要援助的人士。他再次强调，已故丹绒比艾国会议员拿督威拉法力拉非克早前承诺会维修和建造的3个码头，内阁已经通过，目前仅等待拨款，预计明年初可以落实。

沙拉胡丁也强调，希望丹绒比艾的选民相信希盟政府，如今希盟作为执政党可以落实政策，不像反对党只能讲却无法落实。他认为，在野党说得再多再大声，落实政策的始终是希盟，在野党只能制衡。

### 希盟有信心赢补选

沙拉胡丁认为希盟有信心赢得丹绒比艾补选，他作为实勒角的在地人非常有信心能捍卫这个国席。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Salahuddin and Wee visit people in morning market | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 06 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 6 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 157 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,758 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 14,273 |



赴實叻角早市

# 沙拉胡丁黄日昇同場拜票

（笨珍5日讯）农长拿督沙拉胡丁在实叻角早市协助同僚拜票，国阵马华候选人拿督斯里黄日升也来了个“同场加映”，上演朝野相遇画面。

位于色咯的早市今早特别热闹，国阵在当地的行动室外架起麦克风演讲，希盟土团候选人卡敏在早上8时30分抵达向选民拜票，这也是已故丹绒比艾国会议员法力拉菲克的故乡。

沙拉胡丁和黄日升都在9时20分左右抵达，双方分别向选民握手交流，而后沙拉胡丁在当地一家马来食肆召开新闻发布会，在新闻发布会尾声时，黄日升在团队的簇拥下进入同一个食肆与选民握手。

过后，黄日升主动走向沙拉胡丁，二人握手相拥一团和气，沙拉胡丁也称黄日升是他的朋友，上一届国会中二人就已经认识。

黄日升也向同桌的选民握手，过后就离开现场。由于卡敏早已离开实叻角，因此没有上演朝野候选人相见的画面。



沙拉胡丁（右起）和黄日升在实叻角的食肆内相遇。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 60 lodge police report over Agriculture Minister`s statement | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 06 Nov 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A7 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 260 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,040 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,120 |





萨里占曼（左起）、莫哈末海里与林添顺，针对网传一段农长在丹绒比艾一所华小发表种族性言论的视频，到笨珍警区总部报案。

# 农长言论 60人报案

**笨珍5日讯**｜社交网站流传一段疑是农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁，在竞选期间于一所华小内发表种族言论的视频，包括巫统、马华等国阵成员党、伊党青年团及非政府组织一行60人今日下午到笨珍警区报案，要求警方与选委会采取行动。

根据视频内容，视频中的发言者指了解很多人不满希盟，但谨记若让与伊党交好的国阵重夺政权，将为这个国家带来动荡。

今日报案者包括柔巫青团团长莫哈末海里、柔马青团长林添顺及发现该视频的丹绒比艾巫青团团长萨里占曼等。

萨里占曼在受访时表示，今早从面子书与即时通讯应用程式whasapp看到有关视频，深感不安与不满，决定报警。

他表示，身为内阁部长，不仅竞选期间公器私用在一所政府学校内发表政治内容的谈话，谈话更企图破坏和谐，引起华裔选民恐慌，这已抵触竞选法令。

他认为竞选演说不应含有煽动种族性言论，因此促请选委会与警方采取果断的行动。

Powered by: isentia

| Headline | Agriculture Minister: Meeting with PTA not teachers | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 06 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A9 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 323 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,371 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,114 |





■林添顺（前右3起）、莫哈末海里等人在笨珍警局外，针对社交媒体和手机聊天应用程式流传希盟部长抵触选举法令一事，向警方投报。

# 農長：可隨時撥款學校
# 僅會見家協非教師

（吉隆坡5日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育澄清，他在丹绒比艾补选期间，在培侨华小闭门会议会见的人士，并不是该区的教师，仅是学校的家教协会人员。

他承认，当时的确有捐给学校5000令吉，唯这项拨款早已申请，而且他过去在埔莱选区也捐助不少钱给当地学校。

“我是部长，我什么时候派钱给校方就什么时候，况且目前没有法令阐明什么时候才能派钱给校方。”

沙拉胡丁阿育今日在国会走廊接受媒体访问时，这么说。

询及被指在会议上要胁出席会议者，若要国泰民安，必须把票投给希盟政府一事，他没有正面回应或否认有关言论。

他说，他只是希望出席会议者，需要了解在发生茅草行动前，领导巫青团的拿督斯里纳吉，曾经发表使用华人的血，来洗马来剑，唯这名领袖目前仍然是名国会议员，也未就有关言论道歉。

“若让这些对宗教极端的政党（伊党）和种族极端的政党（巫统）领导国家，国家就会出现好像叙利亚般的动乱。”

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Have applied before, Agriculture Minister donates RM5,000 fund to primary school | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 06 Nov 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A7 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 456 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,332 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,996 |



# 之前已申请 农长捐小学5千

**吉隆坡5日讯｜农业及农基工业部长拿督斯里沙拉胡丁阿育承认，他确实给了培侨小学5000令吉。**

他解释，这次援助金是以前已经向他申请了，而他过去也在自己的选区捐过不少钱给当地学校。

「是，我有给。申请援助的信之前已经给我了。这很正常，不仅在丹绒比艾，在我的选区，学校会要求援助。」

他也澄清，他昨晚在该学校举行闭门会议所会见的人士，并不是教师，仅是该学校的家教协会。

「我是部长，我可以决定什么时候给钱，这没有问题。而且目前没有法令说明什么时候才能派钱给校方。最重要人民获利。」

沙拉胡丁在国会走廊接受访问时，如是表示。

询及在会议上，被指要胁与会者，若要国泰民安，必须把票投给希盟政府一事，沙拉胡丁阿育没有正面回应或否认有关言论。

沙拉胡丁说，他只是希望出席会议者，需要了解当年在发生茅草行动前，当时领导巫青团的拿督斯里纳吉，曾经发表「使用华人的血来清洗马来剑」言论，唯这名领袖目前仍是名国会议员，也没有对自己言论道歉。

「若让这些对宗教极端的政党（伊党）和种族极端的政党（巫统）领导国家，国家就会出现好像叙利亚般的动乱。」

沙拉胡丁强调，自己必须要维护国家安全与和谐，提醒各政党不要发表任何涉及种族与宗教敏感言论。

## 促查种族主义言论

另外，前教育部长拿督斯里玛哈兹卡力促请选举委员会，采取行动调查沙拉胡丁发表种族主义的言论。

他今日在国会走廊向媒体表示，他从网上观看到一个短视频，观看到沙拉胡丁发表了涉及种族主义的言论。

「他说，如果有天巫统和伊党做了政府，这个国家会陷入混乱。为什么一位部长会说出这样种族主义的话。」

玛哈兹卡力表示，这已经违反了选举法令，因此促请选举委员会采取行动，对这位部长的言论进行调查。




提名：2/11　投票：16/11

「我们要求选委会必须重视这个事情。这个是非常严肃的课题。」

他指出，沙阿胡丁的言论会危害我国，其言论在恐吓社会。

他强调，国阵派马华候选人上阵担任比艾国席补选，也获得伊党的支持，证明他们并不是种族主义者。

另一方面，教育部前副部长兼马华总会长拿督斯里魏家祥也指责希盟上台后与仍在反对党时，完全两个样。

「这是很不道德的，他们不是在自诩如今是新马来西亚吗？怎么可以利用学校作为竞选机器。」

他表示，这样的行为是应该受到谴责的，也令人对希盟非常失望。

网络流传一段约1分钟20秒的视频，并注明沙拉胡丁是在柔佛州笨珍县龟咯山顶培侨小学进行与教师闭门会，并派发了5000令吉。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture Minister, Wee Jeck Seng shake hands and hugged | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 06 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A7 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 181 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,742 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,227 |



朝野拜票碰到正

# 農長黄日昇握手相擁

（笨珍5日讯）农业部长拿督沙拉胡丁在石叻角早市协助同僚拜票时，刚好遇到国阵马华候选人拿督斯里黄日升也在此拜票，彼此见面没有火药味，反而一片和气。

位于龟咯的早市今早特别热闹，国阵在当地的行动室外架起麦克风演讲，希盟土团候选人卡敏于早上8时30分抵达后便向选民拜票，这也是已故丹绒比艾国会议员法力拉菲克的故乡。

## 卡敏到拉菲克故乡早市拉票

沙拉胡丁和黄日升都在上午9时20分左右抵达，双方分别向选民握手交流，而后沙拉胡丁在当地一家马来食肆召开记者会，在快要结束时，黄日升在团队的簇拥下进入同一个食肆与选民握手。

过后，黄日升主动走向沙拉胡丁，两人握手相拥一团和气，沙拉胡丁也称黄日升是他的朋友，上一届国会中两人就已经认识。



■沙拉胡丁（右起）和黄日升在实叻角的食肆内相见欢。

黄日升也向同桌的选民握手，过后就离开现场。由于卡敏早已离开实叻角，因此没有上演朝野候选人相见欢的画面。(BPK)

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/11/2019 | HARIAN METRO | LOKAL | 6 |



GANESH dihukum penjara 34 bulan dan denda RM40,000 di Mahkamah Sesyen Selayang.

BUNUH KUCING BUNTING

# Penzalim ke-2 dihukum

Oleh Sarah Zulkifli
sarah@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Pekerja kontrak yang videonya tular kerana membunuh kucing bunting dalam mesin pengering pakaian dihukum penjara 34 bulan dan didenda RM40,000 oleh Mahkamah Sesyen Selayang, semalam selepas didapati bersalah atas pertuduhan menyebabkan penderitaan terhadap haiwan itu.

Hakim Rasyihah Ghazali menjatuhkan hukuman itu terhadap K Ganesh, 42, selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap tertuduh.

Mahkamah memerintahkan hukuman itu berjalan bermula semalam dan penjara empat bulan lagi jika gagal membayar denda terbabit.

Dalam penghakimannya, Rasyihah berkata, keputusan dibuat selepas mahkamah mendengar dan meneliti keterangan semua saksi pendakwaan dan pembelaan secara maksimum serta hujahan lisan oleh kedua-dua pihak.

"Mahkamah mengambil kira tertuduh individu yang memasukkan kucing ke dalam mesin pengering pakaian dan mengunci haiwan itu ketika kejadian.

"Hukuman yang diberikan ini diharap dapat memberikan pengajaran kepada tertuduh dan masyarakat supaya tidak menzalimi haiwan," katanya.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa dengan kejamnya atau secara tidak munasabah membuat atau meninggalkan untuk melakukan apa-apa perbuatan menyebabkan kesakitan atau penderitaan yang tidak sepatutnya pada kucing.

Kejadian didakwa berlaku di premis Dobi Queen Self Service Laundry, Jalan Gombak Ria, Taman Gombak Ria, Batu Caves dekat sini, antara jam 12.54 tengah malam dan 1 pagi, 11 September 2018.

Dia didakwa mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 29(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Seramai lapan saksi pendakwaan dan seorang saksi pembelaan dipanggil memberikan keterangan sepanjang perbicaraan kes itu yang bermula pada 3 April lalu.

**Penjara empat bulan lagi jika gagal bayar denda RM40,000**

Mahkamah turut membenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman sehingga rayuan di Mahkamah Tinggi dilupuskan dengan menaikkan jaminan daripada RM12,000 kepada RM20,000, serta rayuan difailkan sebelum atau pada 12 November ini.

Pada 17 Januari lalu, rakan tertuduh, A Mohanraj, 42, dipenjara dua tahun selepas menukar pengakuan bersalah atas kesalahan sama dan seorang lagi lelaki, SS Satthiya, 26, dilepaskan tanpa dibebaskan daripada pertuduhan sama.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/11/2019 | SUARA KEADILAN | UTAMA | 14 |

# Tingkat pertanian sara diri

**SEMENTARA** itu, Dr Barjoyai (**gambar**) berkata masalah biasa negara pengguna seperti Malaysia ialah kadar harga yang berubah-ubah mengikut nilai pertukaran mata wang negara pengimport.



Jika nilai pertukaran asing kepada ringgit rendah, maka harga barang import menjadi lebih mahal.

Menurutnya, lebih 50 peratus makanan rakyat negara ini diimport, berdasarkan langkah menetapkan sasaran sara diri kepada tahap pengeluaran tertentu dan selebihnya dipenuhi sumber import dari pasaran antarabangsa.

"Negara mengimport RM42 billion makanan setahun, termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran, bawang (RM2 bilion) dan daging merah (RM2 bilion)," katanya.

Untuk rekod, kita mengimport beras dari Thailand dan Indonesia, buah-buahan dan sayur-sayuran dari Filipina dan Vietnam, bawang merah dari India, selain gula dan tepung dari China.

Menyifatkan ini berlaku kerana pengeluaran makanan kita yang rendah, Dr Barjoyai membandingkan pengeluaran padi negara sebanyak 5 tan sehektar berbanding Thailand, Vietnam dan Indonesia yang menghasilkan 15 tan dengan keluasan sawah yang sama.

Untuk rekod, Indonesia mempunyai kira-kira 264 juta penduduk namun masih mampu mengeksport beras ke negara seperti Malaysia kerana pengeluaran padinya yang tinggi.

Dr Barjoyai menekankan, mengubah struktur ekonomi dengan mewujudkan pertanian moden contohnya aktiviti 'Pertanian Menegak', boleh mewujudkan produktiviti pertanian yang lebih tinggi.

"Kementerian disarankan tidak memberi tumpuan kepada pertanian ladang semata-mata kerana ia boleh mewujudkan monopoli, sebaliknya perlu menumpukan aspek 'Pertanian Suri Rumah'."

"Ini dapat mengurangkan kos sara hidup dan dapat mengurangkan harga barang-barang makanan dan menambah pendapatan secara langsung," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/11/2019 | SINAR HARIAN | BISNES | 39 |

# Bongawan bakal jadi hub pertanian utama Sabah




Majlis MoU antara Greatly High Tech Eco Park dengan Heritage Farms bakal membuka lembaran baru pembangunan ekonomi di Bongawan, Sabah.

**MAJLIS** Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Greatly Hi Tech Ecopark Sdn. Bhd. (GHTEP) dengan Heritage Farms Sdn. Bhd. berlangsung di Borneo Golf Resort Bongawan, Sabah bakal menyaksikan suntikan pelaburan sebanyak RM4 bilion untuk tempoh lima tahun operasi projek berkenaan dan akan ditambah mengikut keperluan semasa.

GHTEP diwakili oleh Ketua Pengarah Urusannya, Surayah Suhaili manakala Heritage Farms Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengerusinya, Dato Mohd Nor Ramli yang juga merupakan ahli majlis tertinggi Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputera Malaysia (PPIPBM)

Majlis dirasmikan oleh Pembantu Menteri kepada Menteri Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sabah, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bongawan, Dr. Daud Yusof.

MoU yang dimeterai ini bakal menjadikan Bongawan menjadi hub pertanian utama di Sabah yang dapat meningkatkan pembangunan ekonomi dan menjadi pengeluar makanan utama di Sabah.

Menurut Surayah, projek pertanian bersepadu ini mampu menjana pendapatan penduduk setempat dan secara tidak langsung ekonomi di Bongawan dan Sabah juga akan meningkat.

"Penggunaan tenaga pekerja tempatan juga diperlukan seramai 1,000 orang dalam jangk amasa 12 bulan pertama projek ini berlangsung.

"Bagi memastikan perjalanan projek ini berjalan dengan lancar, konsep perkongsian pendapatan atau *contract farming* dengan penduduk tempatan akan diaplikasikan.

"Kami memberi tumpuan kepada produk-produk pertanian berdaya tinggi seperti tanaman Sacha Inchi iaitu sejenis tumbuhan herba dan akan membesarkan operasi penanaman sacha inchi hingga keseluruhan Sabah," katanya dalam satu kenyataan akhbar semalam.

Sementara itu Mohd Nor menegaskan kerjasama yang dimeterai merupakan satu peluang keemasan yang perlu direbut oleh semua pihak.

Jelasnya, selain berdaya saing, projek pertanian bersepadu ini mampu merealisasikan hasrat Malaysia menjadikan pertanian sebagai sumber ekonomi utama.

"Kami akan menyalurkan dana dan kepakaran untuk menghasilkan, mengeluar, memasar dan menjual serta mengedar produk mentah dan siap kepada pasaran tempatan dan antarabangsa mengikut polisi yang telah ditetapkan oleh kerajaan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/11/2019 | SUARA KEADILAN | BUDAYA | 15 |

## Teater di Sawah Padi Muzika Uda dan Dara

# Perlawanan kelas, nasib petani, dan jawapan menteri

Oleh HAIZIR OTHMAN

**KECUALI** bagi yang pernah menyaksikan pementasan serupa dua tahun lalu di Parit Dua Barat, Sungai Besar, penonton Teater di Sawah Padi Muzika Uda dan Dara arahan Dinsman di Padang Merbok pada 25 dan 26 Oktober lalu pasti merasai satu pengalaman baru.

Menyaksikan persembahan teater di padang terbuka berlantaikan tanah beratapkan langit sebelum dibasahi hujan bukanlah satu pengalaman yang dapat dialami di mana-mana pentas teater biasa; baik yang berprestij (dengan harga tiket mahal) atau tidak.

Tetapi inilah yang ditawarkan kepada khalayak oleh Dinsman, atau nama sebenarnya Shamsudin Osman dan pasukannya lewat pementasan tersebut. Barangkali dia ingin menyampaikan pesan, seni itu milik semua malah harus dekat dengan kehidupan rakyat terbanyak.

Dan seperti keadaannya pada 2017, teater ini ditayang tanpa sebarang bayaran dikenakan. Terima kasih kepada para penganjur.

Bagi penonton 2017 yang menonton kembali teater ini baru-baru ini, pasti membuat beberapa perbandingan. Antaranya termasuklah berkaitan isu mutu, pembaharuan dan percubaan memodenkan persembahan terdahulu. Namun itu bukanlah fokus tulisan ini kali ini.

### Sawah musnah

Mementaskan teater pada musim peralihan monsun dari Monsun Barat Daya kepada Monsun Timur Laut mengundang risiko tersendiri. Negeri-negeri pantai barat Semenanjung termasuk Perlis, Perak, Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya menerima hujan melebihi paras purata mengakibatkan beberapa tempat digenangi air.

Di negeri-negeri sebelah utara termasuk Pulau Pinang, Perak dan Kedah, hujan lebat mengakibatkan banjir dan mengakibatkan kerosakan harta benda termasuklah memusnahkan sawah. Di Kampung Matang Merbau, Bagan Serai, Perak, 80 hektar sawah yang baru ditabur benih padi, rosak, menjejaskan kehidupan kira-kira 20 pesawah di sana, lapor media.

Pada masa sama, teater ini dipentaskan bersempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2019. Mengambil satu lagi latar yang lebih besar, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Salahuddin Ayub bersama-sama Ahli Parlimen lain baru selesai menggulung perbahasan Belanjawan 2020 di Dewan Rakyat.

Bercakap dengan nada positif, Salahuddin menyuarakan komitmen beliau untuk menjaga kebajikan petani, penternak dan nelayan serta memastikan bekalan makanan yang cukup dan selamat untuk seluruh rakyat di negara ini.





Sebelum itu, beliau menjawab soalan Ahli Parlimen Bagan Serai, Dr Noor Azmi Ghazali tentang punca kelewatan benih padi di beberapa kawasan di Bagan Serai baru-baru ini dan penyelesaian serius Kementerian.

Jawapan beliau berkisar sekitar stok bekalan benih padi, kegagalan syarikat pembekal, kuota, dan harga subsidi. Juga agihan semula kuota benih padi sah sebanyak 8,400 metrik tan kepada pembekal yang telah mencapai kuota, selain memperkemas agensi kerajaan seperti IADA, MADA, dan KADA.

Isu benih padi ini bahkan jadi perbahasan hangat di Dewan Rakyat dalam sesi penggulungan perbahasan belanjawan. Teguran keras Ahli Parlimen Jerai, Sabri Azit tentang kekurangan benih padi sejak sekian lama memerlukan jawapan tuntas kerajaan.

### Mewajar penindasan

Malah, isu pengagihan jawatan yang mengisi posisi-posisi utama agensi-agensi dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di kalangan ahli parti kerajaan, khususnya Parti Amanah Negara (Amanah) tidak harus dipandang sebelah mata kerana di sana tersangkut urusan ketelusan dan kredibiliti kementerian tersebut.

Uda dan Dara yang digarap dari karya asal Sasterawan Negara Usman Awang, pada satu sisi mengangkat perjuangan kaum sosialis membebaskan kaum pekerja daripada golongan pemodal yang menindas, begitu kata salah seorang penontonnya pada malam itu, dalam renyai hujan.

Mendengar pandangan ini segera mengingatkan penulis kepada satu karya agung Barat yang terbit pasca Perang Dunia Kedua, Animal Farm karya novelis tersohor British, George Orwell.

Dalam novel tersebut, sekumpulan binatang yang dipimpin sekawan babi memberontak menjatuhkan kepimpinan manusia di bawah Tuan Jones, hanya untuk selepas itu mengkhianati perjuangan revolusi yang mereka sendiri lancarkan.

Pada sisi sedikit berlainan, di Padang Merbok, Uda dan Dara sedang bergelut membicarakan soal perlawanan kelas - antara kelas bawahan yang diwakili petani miskin seperti Uda, Malim, Utih, Diman, Dayang dan lain-lain dengan kelas atasan; kaum pemodal yang diwakili Alang Bakhil dan para aparatnya.

Alang Bakhil, seperti kes klasik para penindas di mana-mana pada setiap zaman, mengeksploitasi para petani dengan memeras hasil padi sebelum merampas terus tanah sawah dan tapak rumah mereka. Berada di kelas berbeza, ukuran pangkat dan darjat meninggikan mereka daripada kedudukan orang kampung yang miskin serba-serbi.





Dalam setiap perlawanan kelas, kata tokoh falsafah dan pendidikan Brazil, Paulo Freire lewat karyanya Pedagogy of The Opressed (Pedagogi Kaum Tertindas), sang penindas akan berusaha mengekalkan penguasaannya ke atas orang yang ditindas dengan cara menghalang daripada berlakunya dialog dan pencerahan.

Begitu ia berlaku, sampai ke satu peringkat, mereka akan mewajarkan penindasan sehingga ia dianggap satu urusan yang normal dan terhormat.

### Jentik kesedaran



Pada ketika ini, perlawanan disekat dari langkah pertama lagi. Inilah yang berlaku kepada Pak Long, Pak Lebai, dan kebanyakan orang kampung selepas Uda dibunuh konco-konco Alang Bakhil; menerima kekalahan sebagai nasib dan takdir yang telah ditentukan ke atas mereka.

Terutamanya lewat watak Pak Lebai yang mengatasnamakan agama untuk menormalisasikan penindasan, perbuatan ini dituruti ramai sebelum dibantah Malim dan Utih yang menyeru perlawanan dengan jalan perang untuk 'menegakkan kebenaran dan keadilan'.

Babak orang kampung mengangkat senjata dalam susun atur siap-siaga menutup persembahan teater malam itu, diiringi muzik bingit dari lagu dan nyanyian yang memekak telinga, bersedia melawan 'peraturan' yang selama ini merantai mereka, setelah mendengar saranan revolusioner Malim dan Utih.

"Kalau boleh memegang antan, kenapa tak boleh memegang parang!", kata Mak Long kepada Malim, menyertai suaminya dan orang kampung ke jalan perang.

Di sawah-sawah padi kita, pada satu sisi walau bagaimanapun, belum sampai ke tahap menyahut seruan tersebut secara literal walaupun kita pernah punya sejarah penentangan kaum petani Baling pada tahun 1974 dulu yang sempat menggoncang kerusi empuk menteri.

Namun, latar-latar ini, juga kekayaan dan kehalusan dari karya sastera kita sendiri harus, selain jadi wahana hiburan dan ruang senggang waktu libur, menjentik kesedaran untuk berbuat sesuatu agar ia tidak mendap seperti taburan jerami padi di Padang Merbok yang ditimpa hujan.

Menteri Pertanian yang merasmi, berucap, dan menonton teater ini terutamanya; tugas anda tidak terhenti selepas pementasan berakhir kerana perjuangan kaum tani belum bermula.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Tengku Permaisuri Norashikin rasmi program jualan produk pertanian | | |
| MediaTitle | SelangorKini | | |
| Date | 06 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 250,000 |
| Page No | 5 | Readership | 750,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 251 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,471 |
| Frequency | Weekly | PR Value | RM 7,414 |





**Tengku Permaisuri Norashikin berkenan menyediakan rojak buah pada program Jelajah Jualan Terus Dari Ladang Peringkat Selangor 2019 di AEON Mall Shah Alam pada 24 Oktober lalu**

# Tengku Permaisuri Norashikin rasmi program jualan produk pertanian

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin berkenan berangkat merasmikan Program Jelajah Jualan Terus Dari Ladang Peringkat Negeri Selangor 2019.

Keberangkatan tiba baginda di AEON Mall Shah Alam diraikan dengan persembahan muzikal tari yang memaparkan kehidupan golongan petani.

Baginda yang diiringi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub turut meluangkan masa melawat tapak jualan.

Sementara itu, program jelajah di bawah Program Ladang Kontrak yang diperkenalkan FAMA ini bertujuan mempelbagaikan medium pasaran bagi peserta terbabit.

Terdapat 20 gerai jualan dibuka oleh pengeluar pelbagai jenis produk pertanian dengan harga yang ditawarkan berpatutan.

Menerusi program ini produk pertanian yang dijual di sini lebih murah antara lima hingga 20 peratus berbanding produk sama di pasaran biasa.

Antara buah-buahan yang dijual pada program ini seperti nanas, dokong, keranji dan belimbing.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Rangka Tindakan Pertanian Sabah 2021-2030 mampu kembangkan ekonomi negeri | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 06 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# Rangka Tindakan Pertanian Sabah 2021-2030 mampu kembangkan ekonomi negeri

KOTA KINABALU: Rangka Tindakan Pertanian Sabah 2021-2030 peluang kerajaan memperkasakan industri hiliran negeri ini ke arah perkembangan ekonomi yang lebih meluas.
Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal berkata, penekanan terhadap industri d...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 500 sertai Sabah Agro Run 2019 | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 06 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# 500 sertai Sabah Agro Run 2019

TUARAN: Setiausaha Politik Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah Rakam Sijim melancarkan edisi pertama Sabah Agro Run 2019 'Go Green Go Health'di Padang Pekan Tuaran, baru-baru ini.
Larian yang dibahagikan kepada dua kategori, 5km dan 10km untuk l...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Maszlee: Develop agricultural vocational education | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 06 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 8 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 141 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,273 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,818 |



## 馬智禮：提高農業科技化

# 發展農業技職教育

（布城5日讯）教育部长马智礼说，教育部将会发展农业技职教育，将人工智能、机器人、遥感和无人机等善用于农业生产，带动国家农业发展。

他指出，当局将会和农业部、私立大专、大马农业研究院和国内外机器人公司合作，协助政府发展农业科技，让大马农业能取得更蓬勃发展。

他希望农业从普遍被人视为是没机会受高等教育的农村人所从事的行业，转变成把大学生带回农村，拓展高科技农业的行业。

他说，配合工业革命4.0，技职教育也增设电子工程（控制）文凭、电子工程（电脑）和电子工程（医药）和农业科技等课程，迎合业界的要求。

他是今日为工业革命4.0教育座谈会主持开幕后，向记者发表谈话。

在网络安全方面，尤其是马大曾发生过数码泄漏问题，马智礼说，当局并未接获马大数据泄漏的投报，坊间很多数据泄漏的传闻，一些是假消息，不过，当局将会确保大学、政府部门和机构的数据受到良好的保护。

在网络霸凌课题上，他说，这是一个全球的现象，网络霸凌也是一种犯罪，政府将会致力于确保提升人们的道德品行，以减少这类问题。

马智礼促请国内大学和业界合作每年检讨大学的课程，赶上科技发展和时代的需求。

### 栽培数码素养学生

教长强调编码在应对工业革命4.0的重要性，政府也应该栽培有数码素养的学生，包括确保所学追得上时代，以免因为所学的科技知识落后而难觅职。

他说，该部将会和大马数码经济机构等合作来制定机器人和编码等教学课程，让学生能接触最新的数码科技，避免被抛在后头。

Powered by: isentia